



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
JUMAAT 29 APRIL 2022**

<b>BIL.</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	SUBSIDI PENTERNAK AYAM DITAMBAH, NEGERI JOHOR, SH -23	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2. 3.	GAMBAR HIASAN BELUM PASTI SAHIF, LOKAL, HM -3 AUTHORITIES NEED PUBLIC'S HELP TO CONTAIN RABIES, VIEWS, THE STAR -15	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
4. 5.	AIRASIA GROCER TAKES PERLIS' HARUMANIS MANGOES TO INTERNATIONAL MARKETS, BORNEO POST (KUCHING) -ONLINE AIRASIA GROCER BAWA HARUMANIS KE PASARAN ANTARBANGSA, BH -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
6.	AGROBANK LANCAR VIDEO AIDILFITRI BERJUDUL PESAN ATUK, BISNES SINAR, SH -30	AGROBANK
7. 8. 9. 10. 11.	PESAWAH KADA RUGI RM26.19 JUTA AKIBAT BANJIR, UM -ONLINE PESAWAH KADA RUGI RM26.19 JUTA AKIBAT BANJIR, NASIONAL, BH -31 BANJIR LUAR MUSIM, PETANI KADA RUGI RM26.19 JUTA, NEGERI KELANTAN, SH -25 PESAWAH KADA RUGI RM26.19 JUTA AKIBAT BANJIR LUAR MUSIM, NEGARA, KOSMO -14 1,365 PESAWAH RUGI RM26.19 JUTA, LOKAL, HM -16	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
12. 13. 14. 15. 16. 17. 18.	60 KESALAHAN PENIAGA, PEMBORONG AYAM, LOKAL, HM -16 BEKALAN AYAM KURANG 50 PERATUS, NEGARA, KOSMO -16 PENIAGA P.PINANG RESAH BEKALAN AYAM KURANG 50%, DALAM NEGERI, UM -10 KARTEL AYAM UNTUNG DUA KALI GANDA BANDING PENIAGA, DALAM NEGERI, UM -5 SKIM HARGA MUSIM PERAYAAN DILANJUT EMPAT HARI LAGI, NASIONAL, BH -15 NSTP, BERNAS AID 5 WELFARE HOMES, NEWS/NATION, NST -10 KUALA MUDA LAUNCHES 6 PRODUCTS TO CELEBRATE RAYA, KWONG WAH YIT POH -ONLINE	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# Subsidi penternak ayam ditambah

Bagi kawal harga runcit ayam mentah RM8.90 per kg

Oleh NOR AZURA MD AMIN

JOHOR BAHRU

**K**erajaan akan menambah subsidi kepada penternak ayam bagi memastikan harga runcit ayam mentah kekal pada RM8.90 sekilogram (kg).

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, perkara ini diputuskan dalam Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL), baru-baru ini.

"Mesyuarat terakhir NACCOL memutuskan harga ayam segar perlu dikendalikan pada harga RM8.90 per kg sehingga 5 Jun ini.

"Oleh kerana ada kenaikan kos, kerajaan setuju menambah subsidi bagi menampung kos supaya harga runcit kekal.

Penambahan subsidi akan diumumkan kemudian, namun dari segi prinsipnya harga siling perlu diteruskan sehingga 5 Jun ini dahulu sebelum perkara lain diputuskan nanti," katanya ketika lawatan kerja ke sebuah stesen minyak di Jalan Lingkar Dalam, pada Khamis.

Pada Februari lalu, Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Khande dilaporkan berkata, pemberian subsidi sebanyak RM0.60 sen per kilogram (kg) kepada penternak ayam adalah selepas mengambil kira harga ayam hidup di peringkat ladang sebanyak RM5.90 per kg dan harga runcit ayam bulat standard sebanyak RM8.90 per kg.

Bagi subsidi telur pula, jemaah menteri bersetuju memberi sebanyak RM0.05 sen sebiju untuk semua kategori.

Keseluruhan implikasi kewangan ke-pada kerajaan bagi melaksanakan pemberian subsidi ayam dan telur di seluruh negara untuk tempoh empat bulan bermula Februari adalah sebanyak RM528.52 juta.



Alexander (dua dari kanan) melawat stesen minyak di Jalan Lingkar Dalam Johor Bahru, pada Khamis.

## 2,000 BABI DIDAKWA HILANG

# Gambar hiasan belum pasti sah

**Port Dickson:** Pihak polis masih belum menerima sebarang laporan rasmi berhubung kehilangan 2,000 babi berikutan imej diviralkan adalah gambar hiasan yang tidak dapat disahkan kesahihannya.

Ketua Polis Daerah Port Dickson, Superintendan Aidi Sham Mohamed berkata, sejak 24 April lalu, tular di dalam media sosial gambar dan kehilangan lebih kurang 2,000 ekor khinzir daripada ladang ternakan di Kampung Baru Tanah Merah Site A di sini.

“Angka kehilangan babi itu masih belum dapat disahkan kerana setakat ini pihak polis masih belum menerima sebarang laporan rasmi berkenaan kehilangan ternakan itu.

“Manakala gambar di-

viralkan adalah gambar hiasan yang tidak dapat disahkan keasliannya,” katanya, semalam.

Menurutnya, pemantauan masih diteruskan Polis Negeri Sembilan bersama penguat kuasa Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan di kawasan ladang itu.

“Sekiranya menerima sebarang laporan rasmi, pihak PDRM akan mengambil tindakan segera mengikut peruntukan undang-undang sedia ada,” ujarnya.

Aidi Sham berkata, sehubungan itu, orang awam dinasihatkan supaya tidak membuat sebarang spekulasi di mana-mana ruangan media sosial yang boleh mengelirukan dan mendatangkan kegusaran awam.

# Authorities need public's help to contain rabies

WITH two cases detected just 60km apart, we clearly have rabies to deal with in Selangor, "Selangor detects a second rabies case, says state Health director" (*The Star*, April 24; online at <https://bit.ly/3kmKluq>).

Rabies is deadly to both animals (in this case dogs) and humans, hence it must be dealt with seriously. As such, media reports that the Department of Veterinary Services is rounding up strays within a 10km radius of the index cases to test the animals for the disease is most reassuring, especially to the residents of the areas concerned.

The veterinarians will have to literally get into the brain of the animals to confirm infection after they have been humanely euthanised.

In the meantime, pet owners should confine their dogs (and cats) within their compounds. This is to ensure that their pets are not accidentally caught by the authorities, and also to prevent them from coming into close contact with strays infected with rabies.

Feeding strays is one of the ways that rabies can spread, as the availability of food allows the infected and non-infected animals to mingle. Animal welfare NGOs in Selan-

gor should take the lead in saving stray dogs by putting them in shelters where they can be provided with proper care and love. Dogs and cats belong in loving homes with humans, not out on the hostile streets.

Unfortunately, there are members of certain NGOs who are urging people to hide the strays when they see the authorities coming. This is indeed an irresponsible act that will make the rabies containment process more difficult.

NGOs should help by educating their members, followers and the public at large about the dangers of

rabies and how to avoid being bitten by an infected dog or cat.

They should also provide information on the immediate action to take if one gets bitten or scratched by any animal.

**DR SARAVANAKUMAR S. PILLAI**

**Senior adviser, Farm Animal Welfare, Policy & Engagement Humane Society International and ANTHONY THANASAYAN PETPOSITIVE (Animal-assisted therapy for the disabled and elderly)**

**Petaling Jaya**

29 APR, 2022

## Airasia grocer takes Perlis' Harumanis mangoes to international markets

Borneo Post (Kuching), Malaysia

Page 1 of 2



Goh (right) with Henry (centre) promote the cooking demo as a member Liew Siet San looks on.

## Airasia grocer takes Perlis' Harumanis mangoes to international markets

**KUALALUMPUR:** Online grocery shopping platform airasia grocer is taking the original Harumanis mangoes from Perlis, which are famous for their sweet taste and smell, to international markets.

Besides distributing the fruits to key partners in the Klang Valley, Sabah and Sarawak currently, airasia grocer has also established cross-border distribution in Singapore and Hong Kong, it said.

In a statement yesterday, the Capital A Bhd subsidiary said the initiative is supported by the Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI), Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) and the Department of Agriculture (DOA).

"The fruits entering the

international market space is another milestone for us made possible with our collaboration with MAFI, FAMA and DOA. We are confident that mango lovers would share our love for this sweet tasting and smelling fruit," airasia grocer chief executive officer Joanna Ibrahim said.

The fruits are able to reach their international destinations within 48 hours from the time of harvest, including time for stringent quality checks, packaging, flight time and customs clearance processes at delivery destinations.

According to airasia grocer, it plays an important role in ensuring the products are export-ready and marketed to Asia.

"This is in line with airasia

grocer's vision to connect farmers directly to businesses and consumers within Malaysia and internationally," it said.

The statement also quoted veteran Harumanis agropreneur Muhammad Ihsan Ibrahim as saying the farming community is grateful and pleased that the fruits of their labour are exported to international markets with speed and care as the last two years have been very difficult for many of the farmers.

"The handling of these fruits are very important to ensure that the freshness and quality is maintained," he said.

These Harumanis mangoes, harvested only once a year, can be ordered before the season ends in May. — Bernama



29 APR, 2022

## Airasia grocer takes Perlis' Harumanis mangoes to international markets

Borneo Post (Kuching), Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

Goh (right) with Henry (centre) promote the cooking demo as a member Liew Siet San looks on.

KUALALUMPUR: Online grocery shopping platform airasia grocer is taking the original Harumanis mangoes from Perlis, which are famous for their sweet taste and smell, to international markets.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/4/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

## AirAsia Grocer bawa harumanis ke pasaran antarabangsa



Usahawan tani veteran harumanis, Muhammad Ihsan Ibrahim (kanan) menunjukkan hasil tanaman yang akan dipasarkan ke peringkat antarabangsa - Foto ihsan AirAsia Grocer

KUALA LUMPUR: Platform beli-belah runcit dalam talian AirAsia Grocer membawa mangga asli harumanis dari Perlis yang terkenal dengan rasa dan baunya yang manis, ke

pasaran antarabangsa.

Selain mengedarkan buah-buahan itu kepada rakan kongsi utama di Lembah Klang, Sabah dan Sarawak pada masa ini, AirAsia Grocer juga mewujudkan pengedaran rentas sempadan di Singapura dan Hong Kong, katanya.

Dalam satu kenyataan hari ini, anak syarikat Capital A Bhd itu berkata, inisiatif disokong oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Jabatan Pertanian.

"Buah-buahan yang memasuki ruang pasaran antarabangsa adalah satu lagi pencapaian penting bagi kami yang dijayakan dengan kerjasama kami bersama MAFI, FAMA dan Jabatan Pertanian.

"Kami yakin penggemar mangga akan berkongsi rasa cinta kami terhadap buah yang rasanya manis dan berbau harum ini," kata Ketua Pegawai Eksekutif AirAsia Grocer, Joanna Ibrahim.

Buah-buahan itu dianggarkan sampai ke destinasi antarabangsa mereka dalam masa 48 jam dari masa ia dipetik, termasuk masa untuk pemeriksaan kualiti yang ketat, pembungkusan, masa penerbangan dan proses pelepasan kastam di destinasi penghantaran.

Menurut AirAsia Grocer, ia memainkan peranan penting dalam memastikan produk berkenaan sedia dieksport dan dipasarkan ke Asia.

"Ini selaras dengan visi AirAsia Grocer untuk menghubungkan petani secara terus kepada perniagaan dan pengguna dalam Malaysia dan antarabangsa," katanya.

Kenyataan itu juga memetik usahawan tani veteran harumanis, Muhammad Ihsan Ibrahim sebagai berkata masyarakat petani bersyukur dan gembira kerana hasil tani mereka dieksport ke pasaran antarabangsa dengan pantas dan berhati-hati berikutan dua tahun lepas adalah tempoh yang amat sukar bagi kebanyakan petani.

"Pengendalian buah-buahan ini amat penting bagi memastikan kesegaran dan kualitinya terjaga," katanya.

Mangga harumanis dituai hanya sekali setahun, boleh ditempah sebelum musim berakhir pada bulan Mei.

-BERNAMA

## Agrobank lancar video Aidifitri berjudul *Pesan Atuk*

**SHAH ALAM** - Bagi menyemarakkan lagi sambutan Aidilfitri kali ini, Agrobank melancarkan video berjudul *Pesan Atuk* yang ditayangkan di semua saluran media rasmi Agrobank di Facebook, Instagram dan YouTube bermula pada 23 April lalu.

Filem pendek berdurasi 4 minit 48 saat itu berkisahkan tentang seorang cucu yang mengimbau memori zaman kanak-kanaknya bersama datuknya yang bekerja sebagai seorang petani dan pengusaha sawah padi.

Video Aidilfitri itu masih mengekalkan konsep kasih sayang kekeluargaan namun sangat padat dengan mesej kelestarian jaminan bekalan makanan negara di mana pentingnya untuk generasi muda meneruskan legasi sektor pertanian dan agro makanan.

Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, pihaknya terpanggil untuk menyuntik pesanan penuh makna mengenai kepentingan kelestarian sektor pertanian negara serta menghargai usaha para petani, penternak dan nelayan melalui video tersebut bagi



memastikan semua isi rumah mempunyai makanan untuk dinikmati setiap hari khususnya menjelang Aidilfitri ini.

“Kadangkala, kita terlupa bahawa para agropreneur ini merupakan wira yang tidak didendang, yang bekerja tanpa mengenal erti lelah agar tahap sara diri (SSL) negara yang lebih baik dapat dipertingkatkan demi untuk memastikan jaminan bekalan makanan negara kekal mencukupi untuk dinikmati bersama.

“Justeru, mengambil inspirasi konsep ini, kami berharap video Aidilfitri yang dikaryakan khas buat usahawan tani sektor pertanian dan agromakanan negara ini dapat dijadikan simbolik tanda penghargaan kami di Agrobank dan seluruh

warga masyarakat untuk menghargai usaha dan kecekalan mereka dalam meningkatkan kemampuan sektor pertanian dan agromakanan negara,” ujarnya.

Tambahnya, menerusi kisah yang dipaparkan melalui video pendek itu diharap dapat menarik minat masyarakat khususnya generasi muda menceburi sektor pertanian pada masa akan datang.

“Agrobank berharap menerusi kisah ini, lebih ramai generasi muda tampil menceburi sektor pertanian dan agromakanan negara dengan mengetengahkan inovasi terkini serta menyuntik elemen teknologi supaya usaha berbudai kepada tanah serta produktiviti pertanian dapat dipertingkatkan,” katanya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/4/2022	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

## Pesawah KADA rugi RM26.19 juta akibat banjir



KAMARUDIN Md. Nor (kanan) ditemubual ketika menghadiri Majlis Berbuka Puasa KADA bersama Pengamal Media Kelantan di Kota Bharu semalam. - UTUSAN/YATIMIN ABDULLAH

KOTA BHARU: Banjir luar jangka melanda Kelantan penghujung Februari lalu mengakibatkan pesawah di bawah Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) menanggung kerugian mencecah RM26.19 juta.

Pengerusi KADA, Datuk [Kamarudin Md. Nor](#) berkata, kerugian tersebut besar kerana melibatkan seramai 1,365 pesawah yang mengusahakan tanaman padi di kawasan seluas 4,500 hektar.

Menurutnya, Pasir Mas, Tumpat, Bachok dan Pasir Puteh merupakan lokasi penanaman padi yang paling teruk terjejas.

“Kebanyakan pesawah terkesan disebabkan semua pokok padi ditanam mereka yang masih dalam proses tumbesaran didapati rosak akibat ditenggelami air

“Apabila sawah ditenggelami air banjir, rosaklah anak pokok padi,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Berbuka Puasa KADA Bersama Pengamal Media Kelantan, di sini semalam.

Hadir sama, Pengurus Besar KADA, Nik Roslan Nik Idris.

Kamarudin memberitahu, laporan terperinci mengenai jumlah kerugian akibat banjir tersebut sudah dipanjangkan kepada pihak Kementerian Pertanian dan Industri Makanan untuk tindakan lanjut.

Dalam perkembangan berkaitan, Kamarudin berkata, jumlah kawasan tanaman padi seliaan KADA di seluruh Kelantan kini berkurangan kepada 25,000 hektar, berbanding 37,000 hektar sebelum ini.

Katanya, pengurangan kawasan penanaman padi itu disebabkan oleh aktiviti tebus guna tanah sawah untuk pelbagai projek pembangunan.- [UTUSAN](#)

# Pesawah rugi RM26.19 juta akibat banjir

**KADA mohon  
dana kementerian  
bantu 1,365  
petani terjejas**

**Utah Nor Fazlina Abdul Rahim**  
nfazlina@bh.com.my

**Kota Bharu:** Seramai 1,365 pesawah terjejas teruk membabitkan kerugian sebanyak RM26.19 juta akibat tanaman padi yang diusahakan mereka musnah susulan banjir teruk Februari lalu.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Datuk Kamarudin Md Nor, berkata ia membabitkan kerosakan tanaman padi seluas 4,500 hektar.

Beliau berkata, tanaman yang musnah membabitkan beberapa daerah iaitu Bachok, Pasir Putih, Pasir Mas dan Tumpat.

“Banjir baru-baru ini menyebabkan ramai pesawah yang terjejas kerana ia berlaku ketika pokok sedang membesar dan ada yang sudah mengeluarkan hasil.

“Berdasarkan pemeriksaan yang dilakukan, seluas 4,500 hektar tanaman padi musnah membabitkan 1,365 pesawah dengan nilai kerugian direkodkan RM26.19 juta.

“Susulan itu, KADA sudah memohon kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi memohon bantuan kepada pesawah yang terjejas.

“Disebabkan ia membabitkan nilai yang banyak, dana bantuan terbahagi perlu diperoleh daripada Kementerian Kewangan dan setakat ini kita masih me-



**Kamaruddin (kanan) pada mesra dan berbuka puasa KADA bersama pengamal media di Hotel Grand Renai, Kota Bharu, kelmarin.**

nunggu maklum balas. Sebagai bantuan terbahagi disalurkan, kami akan menyerahkan kepada mereka yang terjejas,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas majlis ramai mesra dan berbuka puasa KADA bersama pengamal media di Hotel Grand Renai, di sini, malam kelmarin.

Dalam perkembangan lain, Kamaruddin berkata, KADA bekerjasama dengan kerajaan

negeri untuk mengusahakan tanah terbiar seluas 100 hektar di Bumut Susu, Pasir Mas.

Katanya, pendekatan itu sebagai langkah meningkatkan pengeluaran tanaman padi yang semakin berkurangan susulan kawasan KADA semakin mengencail kerana faktor pembangunan.

“Justeru, KADA bekerjasama dengan kerajaan negeri untuk mengusahakan tanah milik kerajaan negeri terbahagi bagi

penanaman pagi. Penanaman dijangka bermula dua hingga tiga tahun susulan proses memulihkan tanah terbahagi mengambil masa agak lama.

“Kita baru sahaja menandatangani memorandum persediaan (MoU) dan selepas ini kerja memulihkan tanah terbiar itu akan bermula yang dijangka mengambil masa dua hingga tiga tahun sebelum tanaman dimulakan,” katanya.

(Foto Nik-Abdullah, Nik-Omar/BH)

## Banjir luar musim, petani KADA rugi RM26.19 juta

**KOTA BHARU** - Petani di bawah seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) mengalami kerugian RM26.19 juta apabila tanaman padi yang diusahakan di atas tanah seluas 4,500 hektar ditenggelami banjir luar musim pada hujung Februari lalu.

Pengerusi KADA, Datuk Kamarudin Md Nor berkata, jumlah kerugian itu melibatkan padi yang diusahakan oleh seramai 1,365 pesawah dari kawasan Pasir Puteh, Bachok, Tumpat dan Pasir Mas.

“Pasir Mas dan Tumpat merupakan lokasi yang paling teruk terjejas.

“Ramai yang terkesan dengan banjir luar musim baru-baru ini kerana semasa kejadian pokok padi baru hendak membesar,” katanya pada Majlis Berbuka Puasa Bersama Pengamal Media Kelantan, di sini pada Rabu.

Menurut Kamarudin, KADA telah memaklumkan kerugian yang dialami oleh petani itu ke pe-



Kamarudin (tengah) bersama Pengurus Besar KADA, Nik Roslan Nik Idris (kiri) pada Majlis Berbuka Puasa Bersama Pengamal Media Kelantan pada Rabu.

ngetahuan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Beliau berkata, pihak MAFI sedang mendapatkan permohonan daripada Kementerian Kewangan bagi membantu petani yang terkesan.

Dalam perkembangan lain, Kamarudin berkata, pihaknya telah menjalinkan kerjasama dengan kerajaan negeri untuk memulihkan tanah di Mukim Kala, Bunut Susu, Pasir Mas untuk projek tanaman padi.

“Kerjasama ini melibatkan kawasan tanah terbiar yang berkeluasan 100 hektar. Langkah awal,

kita akan rawat dan pulihkan tanah-tanah ini sebelum kerja-kerja penanaman dapat dijalankan.

“Ya mengambil masa sekurang-kurang dua hingga tiga tahun sebelum dapat digunakan,” jelasnya.

Tambahnya, situasi itu dilihat mampu menambah semula kawasan tanaman padi bawah seliaan agensi itu sekali gus meningkatkan bekalan makanan negara.

“Jumlah asal kawasan tanaman padi seliaan KADA ialah 37,000 hektar. Namun berkurangan 10,000 hektar untuk tujuan pembangunan,” ujarnya.

## Pesawah Kada rugi RM26.19 juta akibat banjir luar musim

**KOTA BHARU** - Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) merekodkan kerugian sebanyak RM26.19 juta selepas 1,365 pesawah terjejas akibat banjir luar musim yang melanda negeri itu, hujung Februari lalu.

Pengerusinya, Datuk Kamarudin Md. Nor berkata, kerugian tersebut melibatkan kawasan tanaman padi seluas 4,500 hektar yang musnah akibat ditenggelami banjir.

Menurutnya, daerah Pasir Mas dan Tumpat merupakan

lokasi penanaman padi yang paling teruk terjejas.

Selain itu katanya, kawasan Pasir Puteh dan Bachok turut terkesan dengan banjir yang melanda pada Februari lalu.

"Kebanyakan pesawah yang terkesan dengan banjir luar musim itu disebabkan pokok padi berada dalam proses tumbesaran.

"Jadi apabila ia tenggelam, maka pokok tersebut rosak, sekali gus tidak dapat diselamatkan," katanya pada Majlis Berbuka

Puasa Bersama Pengamal Media Kelantan di sini kelmarin.

Hadir sama, Pengerus Besar Kada, Nik Roslan Nik Idris.

Mengulas lanjut, Kamarudin memberitahu, pihaknya telah memaklumkan perkara tersebut kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan untuk tindakan lanjut.

Katanya, Kada optimis kerajaan akan membantu kesemua pesawah yang terjejas bagi meringankan beban dialami oleh golongan berkenaan.



**GAMBAR** fall menunjukkan petak sawah di Kampung Luar Gual Perlok, Rantau Panjang yang ditenggelami banjir luar musim pada Februari lalu.

## 1,365 pesawah rugi RM26.19 juta

**Kota Bharu:** Seramai 1,365 pesawah terjejas teruk kerana mengalami kerugian sebanyak RM26.19 juta apabila tanaman padi mereka musnah dalam kejadian banjir teruk pada Februari lalu.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada), Datuk Kamarudin Md Nor berkata, ia memabtkan kerosakan tanaman padi seluas 4,500 hektar memabtkan daerah seperti Bachok, Pasir Puteh, Pasir Mas dan Tumpat.

"Banjir baru-baru ini menyebabkan ramai pesawah yang terkesan kerana ia berlaku ketika pokok sedang membesar dan ada yang sudah mengeluarkan hasil.

"Berdasarkan pemeriksaan dilakukan, seluas 4,500 hektar tanaman padi musnah memabtkan 1,365 pesawah dengan nilai kerugian direkodkan sebanyak RM26.19 juta.

"Susulan itu, Kada sudah memohon kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) bagi memohon bantuan kepada pesawah yang terjejas.

"Disebabkan ia memabtkan nilai yang banyak, dana bantuan terbabit perlu diperoleh daripada Kementerian Kewangan dan setakat ini kita masih menunggu maklum balas. Sebaik bantuan terbabit disalurkan, kami akan menyerahkan kepada mereka yang terjejas," katanya.



MUHAMAD Zikril Azan (kiri) membuat pemantauan barang kawalan di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa 2022 di sebuah pasar raya di Kuala Selangor.

## 60 kesalahan peniaga, pemborong ayam

**Kuala Selangor:** Masih ramai peniaga 'kaki penipu' dan cekik darah dikesan mengaut keuntungan di negeri ini.

Ia susulan 86 kes kesalahan dicatatkan sepanjang Op Pantau dilaksanakan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor sejak 3 April lalu.

Malah, terdapat 60 kes kesalahan dilakukan peniaga dan pemborong ayam ketika pelaksanaan penentuan harga maksimum bagi ayam dan telur dilakukan sejak 5 Februari lalu.

Pengarah KPDNHEP Selangor, Muhamad Zikril Azan

Abdullah berkata, gagal memamerkan

harga dengan jelas kepada pengguna dan menggunakan alat timbang sukat tidak ditentusahkan adalah dua kesalahan utama dikesan sepanjang Op Pantau.

"Kesalahan ini turut dilakukan peniaga bazar Ramadan. Oleh itu, pada masa akan datang, kami akan lebih kerap melakukan kerjasama dengan pihak berkuasa tempatan yang mengawal selia tapak bazar Ramadan.

"Selain bazar Ramadan, Op Pantau ini juga memabtkan pemeriksaan dan pemantauan di pasar basah, pasar raya serta kedai runcit," katanya selepas sesi *walkabout* pemantauan

Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa 2022 di sebuah pasar raya di sini, semalam.

Op Pantau turut babtkan pemeriksaan di pasar basah, pasar raya dan kedai runcit

Peniaga Pulau Pinang mengeluh bekalan merudum mengganggu persiapan Aidilfitri

## Bekalan ayam kurang 50 peratus



### ISU PENGGUNA

Oleh NOOR HASLIZA NUSI

**GEORGE TOWN** - Situasi bekalan ayam kurang bukan sahaja membelenggu pengguna di Selangor tetapi turut menghangat orang Pulau Pinang.

Di saat umat Islam bakal menyambut Aidilfitri tiga hari lagi, timbul kerisauan dalam kalangan peniaga apabila bekalan ayam standard kini semakin berkurangan sehingga 50 peratus sejak Isnin lalu.

Kekurangan itu dakwa mereka dijangka beriarutan menjelang Aidilfitri yang bakal menjayakan persiapan raya.

Situasi itu didakwa berlaku ekoran pemborong atau pembekal ayam yang menghendak tempahan bekalan ayam kepada peniaga setiap hari.

Tinjauan Kosmo! di pasar awam daerah Barat Daya dan Timur Laut di sini semalam mendapati, hampir sebahagian besar peniaga ayam di situ menutup operasi lebih awal antara pukul 9 atau 10 pagi ekoran barang jualan telah habis dijual.

Rata-rata mereka dikatakan hanya membuka kedai kurang tiga jam bermula pukul 6.30 pagi.

Ketika ini, ayam standard dijual pada harga RM8.90 sekilogram mengikut ketetapan Skim Harga Maksimum Musim Per-



### Risau pelanggan berebut beli ayam

Peniaga bimbang bekalan ayam segar tidak mencukupi menjelang Aidilfitri

ISU PENGGUNA

KERATAN Kosmo! semalam.

jak minggu lalu dan pemborong megingatkan kami supaya bersedia dengan sebarang kemungkinan yang berlaku.

"Kami juga diberitahu, jumlah bekalan ayam hidup di ladang kini semakin susut selain semuanya bersaiz kecil dan disebabkan itu, pihak peladang dikatakan tidak dapat membekalkan ayam hidup kepada

pengilang dan pemborong buat seketika," katanya semalam.

Berikutan masalah itu, Ahmad memutuskan untuk tidak menerima tempahan, sebaliknya bekalan yang ingin mendapatkan bahan mentah itu perlu membeli di kedainya.

"Kami tidak dapat memenui-kan tempahan daripada pelanggan seperti tahun-tahun yang

lalu. Kali ini, mereka (pelanggan) perlu datang terus ke kedai dan tiada lagi tempahan menerusi telefon atau sebalikinya.

"Waktu operasi tidak sampai empat jam sehari dan kami terpaksa tutup awal ketika waktu kemuncak, pelanggan datang ke pasar sekitar pukul 9 hingga 10 pagi," jelasnya lagi.

Sementara itu, peniaga ayam dikenali Azlina, 43, berkata, pihak kerajaan seharusnya menyelesaikan masalah kekurangan bekalan di peringkat peladang kerana keadaan itu bukan sahaja memberi kesan kepada penguatna malah peniaga kerana keuntungan harian terjejas.

"Ayam menjadi bekalan utama pengguna selain daging setiap kali perayaan. Perkaranya ini tidak sepatutnya berlaku kerana hanya beberapa hari lagi umat Islam menyambut Aidilfitri.

"Selain masalah bekalan, kami terpaksa berdepan dengan isu harga ayam, beg plastik dan kos gaji pekerja," ujarnya.

Azlina memaklumkan, bekalan 100 ekor ayam standard yang diperolehnya habis dijual seawal pukul 8.30 pagi.

Sementara itu, Pengarah Perdagangan, Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri, Mohd. Ridzuan Ab. Ghapar berkata, biarpun terdapat permintaan tinggi, bekalan ayam, daging dijamin mencukupi di negeri berkenaan.

"Setakat ini pihak kami tidak menerima aduan daripada pelanggan mengenai kekurangan bekalan ayam atau harga ayam yang dijual melebihi harga ditetapkan iaitu RM8.90 sekilogram," katanya di sini semalam.

29/4/2022

UTUSAN

DALAM

10

MALAYSIA

NEGERI

# Peniaga P. Pinang resah bekalan ayam kurang 50%

Oleh **NOOR HASLIZA NUSI**  
utusanews@medianulla.com.my

**GEORGETOWN:** Peniaga ayam di negeri ini mula resah apabila mendakwa bekalan ayam standard semakin berkurangan sehingga 50 peratus sejak Isnin lalu dan dijangka bertaruhan menjelang Aidilfitri minggu depan.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di pasar awam daerah Barat Daya dan Timur Laut di sini semalam mendapati, hampir sebahagian besar pengusaha premis menjual ayam terpaksa menutup operasi lebih awal sekitar pukul 9 hingga 10 pagi.

Rata-rata mereka dikatakan hanya menjalankan operasi perniagaan kurang tempoh tiga jam bermula pukul 6.30 pagi.

Ketika ini, ayam standard dijual RM8.90 setilogram mengikut ditetapkan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa (HRP) 2022.

Difahamkan, pemborong atau pembekal ayam kini terpaksa mengehadkan separuh daripada tempahan bekalan ayam kepada peniaga setiap hari.

Seorang peniaga di Bayan Baru yang hanya mahu dikenali sebagai Ahmad, 46, berkata, isu kekurangan bekalan ayam standard menjadi semakin ketara minggu ini sehingga memberi kesan terhadap operasi dan keuntungan perniagaan mereka.



**PENIAGA** di pasar awam di Georgetown terpaksa menutup operasi lebih awal selepas mendakwa kekurangan bekalan ayam yang diperolehi daripada pemborong sejak Isnin lalu.

Menurutnya, dia hanya menerima setengah daripada jumlah tempahan bekalan ayam dan terpaksa meneruskan perniagaan meskipun dalam kuantiti yang sedikit.

"Isu sebegini boleh dikatakan pertama kali berlaku menjelang Aidilfitri dan menjadi semakin ketara sejak tiga hari lalu (Isnin)

peruncit.

"Masalah ini bukan memberi kesan kepada pengguna malah peniaga juga terjejas pendapatan. Selain masalah bekalan, kami terpaksa berdepan dengan isu harga ayam, beg plastik dan kos bayar gaji pekerja," kata beliau yang mahu terajaan segera selesaikan masalah ini.

apabila tempahan kira-kira 200 ekor ayam sehati telah dikurangkan kepada 100 ekor," katanya ketika ditemui semalam.

29/4/2022

UTUSAN

DALAM

5

MALAYSIA

NEGERI

# Kartel ayam untung dua kali ganda banding peniaga

**SHAH ALAM:** Kartel ayam mengaut keuntungan lebih dua kali ganda berbanding peniaga apabila membeli ayam hidup daripada penternak pada harga RM5.50 sekilogram.

Kartel memperoleh untung sekitar RM2 hingga RM2.50 apabila menjualnya kepada peniaga di pasar-pasar pada harga RM7.60, malah mereka turut mengenakan caj penghantaran sebanyak 50 sen bagi setiap kilogram (kg) ayam menjadikan harga yang dijual kepada peniaga adalah RM8.10.

Berbanding peniaga, mereka hanya menjual kepada

pengguna pada harga RM8.90 sekilogram dan terpaksa mengenakan caj pemotongan sebanyak 40 sen bagi mengimbangi kos operasi perniagaan setiap hari.

Perkara itu dikongsi seorang peniaga di pasar awam di sekitar Shah Alam yang memberitahu, mereka tiada pilihan selain akur dengan tekanan pembekal untuk memastikan bekalan ayam cukup untuk dijual.

Menurutnya, situasi tersebut dihadapi peniaga-peniaga di hampir semua pasar sekitar Selangor apabila berterusan tekanan dengan kenaikan harga

makanan ayam.

"Jika hanya 100 ekor sahaja ayam dengan anggaran berat sekitar dua kilogram dapat dijual dalam masa sehari, keuntungan yang diperoleh cuma RM160. Sebab itu kami terpaksa kenakan caj pemotongan sebanyak 40 sen seekor, itupun baru dapat RM40.

"Macam mana hendak bayar kos pembantu kedai yang gaji hariannya RM60 hingga RM80 sehari. Berbanding kartel-kartel mereka jual puluhan ribu ekor ayam termasuk ayam rosak dan patah tulang, sudah tentu keuntungannya lebih besar," katanya

ketika ditemui *Utusan Malaysia* semalam.

Terdahulu, akhbar ini melaporkan industri ternakan ayam di negara ini dilihat separiti 'diperhambakan' oleh kumpulan kartel sehingga banyak ladang ditutup atau beroperasi dalam keadaan 'nyawa-nyawa ikan' kerana pulangan diperoleh tidak sepadan dengan penat lelah.

Dalam pada itu, peniaga peniaga ketika ditemui turut mendakwa mereka dimaklumkan pembekal mengenai bekalan ayam menjelang Aidilfitri bakal berkurangan dan tidak

dapat memenuhi permintaan jualan terutama pada hari Sabtu dan Ahad ini.

Peniaga sama memberitahu, situasi kekurangan bekalan yang ketara pada tahun ini adalah pertama kali berlaku apabila bekalan yang diminta tidak dapat dipenuhi oleh pembekal.

"Hari ini (kelmarin) saya tempah bekalan ayam daripada pembekal adalah sebanyak 200 ekor sehari untuk jualan pada Sabtu dan Ahad ini, tetapi mereka memberitahu hanya dapat bekalkan tidak sampai 20 ekor kerana kekurangan bekalan," jelasnya.



## Skim harga musim perayaan dilanjut empat hari lagi

**Johor Bahru:** Kerajaan memutuskan untuk melanjutkan tempoh Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa (HRP) 2022 selama empat hari lagi.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata SHMMP HRP 2022 yang bermula 26 April lalu sepatutnya tamat 6 Mei ini, namun dilanjutkan sehingga 10 Mei berikutan permintaan ramai.

"Pihak kementerian menerima maklumat masyarakat merayu supaya tempoh SHMMP HRP 2022 ini dipanjangkan lagi.

"Ini kerana, ramai yang beranggapan skim yang tamat 6 Mei ini iaitu selepas tiga Aidilfitri tidak mencukupi kerana mereka masih perlu membeli barangan kerana ramai masih ber-cuti untuk berhari raya.

"Jadi, kerajaan memutuskan untuk menambah empat hari lagi tempoh SHMMP HRP 2022," katanya ketika mengadakan lawatan ke Stesen Minyak Petronas di Jalan Lingkaran Dalam, di sini, semalam.

Pada 21 April lalu, sebanyak 22 jenis barangan ditetapkan dijual pada harga maksimum melalui SHMMP HRP 2022 bermula 26 April hingga 6 Mei ini.

Alexander dilaporkan berkata, ia membabitkan barangan kategori hasil laut, barangan kering, daging lembu dan kerbau serta sayuran.

Turut dikuatkuasakan, enam barangan harga terkawal bagi penentuan harga ayam dan telur ayam ditetapkan sebelum ini.

Senarai barangan dikawal membabitkan daging lembu tempatan (kecuali bahagian batang pinang), daging lembu import (harga maksimum di Sarawak saja), daging kerbau import (harga maksimum di Semenanjung, Sabah dan Labuan saja).

Ikan kembung termasuk ikan mabung (berat antara lapan hingga 12 ekor setiap kilogram (kg), ikan selayang (berat antara lapan hingga 12 ekor setiap kg), ikan aya atau tongkol (berat antara seekor hingga dua ekor setiap kg), ikan Demudok atau Sagar/Cermin/Cupak (Sabah saja).



Alexander melekatkan notis amaran kepada kenderaan yang bernombor pendaftaran asing yang membeli minyak petrol di Malaysia ketika lawatan kerja ke Stesen Minyak Petronas di Jalan Lingkaran Dalam, Mahmoodiah Johor Bahru, semalam. (Foto BERNAMA)

## 750KG OF RICE NSTP, Bernas aid 5 welfare homes

MAHAIZURA ABD MALIK  
SUNGAI BULOH  
news@nst.com.my

**T**HE New Straits Times Press (M) Bhd, together with Padiberas Nasional Bhd (Bernas), yesterday distributed 750kg of rice to five welfare homes in the Klang Valley.

NSTP newspaper marketing and subscriptions manager Tengku Kaifmirza Tuan Cherit@Tengku Hamzah said the effort was part of the companies' corporate social responsibility (CSR) programme in conjunction with the month of Ramadan.

He said each welfare home would receive around 30 bags of rice weighing 5kg each.

"Apart from our commitment



NSTP newspaper marketing and subscriptions manager Tengku Kaifmirza Tuan Cherit@Tengku Hamzah (right) presenting rice bags to Rumah Aman Children's Home Malaysia marketing and fundraising coordinator Abang Arizuan Abang Arabi (centre) at the home in Sungai Utama, Sungai Buloh. PIC BY AMIRUDIN SAHIB

to the company's sales and branding, we are also committed to our CSR efforts to help the less fortunate, especially during Ramadan.

"All welfare homes were selected after research had determined that they were in dire need of rice supplies.

"We hope that these contributions can help ease the burden of the homes' management in providing food for those under their care, especially as Hari Raya Aidilfitri draws near," he said.

Tengku Kaifmirza was speaking to reporters after presenting contributions to Rumah Aman Children's Home Malaysia yesterday.

Also present was NSTP market-

ing executive Aminudin Ali. Abang Arizuan Abang Arabi, the home's marketing and fundraising coordinator, said they were grateful to the two organisations.

"We welcome contributions as well as the upkeep of the home as can hit RM750,000 annually.

"The children eat four meals a day. Such contributions are very meaningful and can lighten our load," he said.

Those who wish to contribute Rumah Aman Children's Home Malaysia can channel their donations to Bank Islam account number 12038010063819 in the name of Rumah Aman Shah Alam or contact 012-696 9221.





29 APR, 2022

## Kuala Muda launches 6 products to celebrate Raya

Kwong Wah Yit Poh, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

瓜拉姆拉县署获各单位赞助 推6食品优惠庆开斋节(双溪大年28日讯)

瓜拉姆拉县县署在获得各界商家、政府部门及议员的赞助下，劳动节当天为B40群体推出6大食品优惠，让每个人都可以快乐迎接开斋佳节！县长拿督末苏海米指出，6种优惠食材包括本地牛肉、鲜鸡、食油、大葱、白米及白糖，将在5月1日劳动节在双溪大年市区内的早市农业市场，由联邦农业销售局的柜台出售。他说，赞助(津贴)单位除了瓜拉姆拉